

## Model Pembangunan Komuniti

MOHAMMAD SHATAR SABRAN

*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia  
E-mel: shatar@putra.upm.edu.my*

**Kata kunci:** Komuniti, pembangunan komuniti, model pembangunan komuniti

### ABSTRAK

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957, pelbagai projek dan program telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membantu masyarakat miskin di negara ini. Pihak kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memastikan hasrat dan tujuan untuk membebaskan masyarakatnya daripada belenggu kemiskinan tercapai. Walaupun fenomena kemiskinan di negara ini telah menurun, bilangan golongan miskin masih lagi tinggi terutamanya di kawasan luar bandar. Salah satu punca mengapa dan kenapa keadaan sebegini berlaku adalah disebabkan kegagalan dan kurangnya keberkesanannya dasar dan strategi pembangunan komuniti ataupun desa yang dilaksanakan. Model Pembangunan Komuniti yang memberikan penekanan kepada lima elemen utama dipercayai mampu untuk membantu menyelesaikan masalah kemiskinan terutamanya masyarakat yang tinggal di luar bandar dengan lebih berkesan. Di antara lima penumpuan utama di dalam model ini ialah pemimpin masyarakat, masyarakat tempatan, teras pembangunan komuniti, proses pembangunan komuniti dan hasil pembangunan komuniti. Model ini menjelaskan dengan terperinci proses yang perlu dilalui oleh setiap masyarakat atau agensi yang berminat untuk membantu golongan miskin di negara ini melalui projek-projek yang dijalankan. Dengan mengikuti proses yang dicadangkan oleh model ini, bukan sahaja masalah kemiskinan dapat diselesaikan dengan berkesan, malah ia mampu untuk membantu negara membuat pelaburan di dalam projek-projek pembangunan masyarakat yang mencapai matlamat penubuhannya.

### ABSTRACT

Since independence in 1957, the government of Malaysia has implemented several projects and programs to help reduce the problem of poverty among the poor in the country. Billions of ringgit have been invested for that purpose. Though the problem of poverty has been reduced, the number of people who are poor remains high especially in the rural areas. One of the reasons for persistent poverty problems is the failure of rural development strategies and programs to alleviate poverty-related problem effectively. The Community Development Model proposed in this article focuses on five major elements believed to be effective in helping to alleviate the problems of poverty among the poor in rural areas. The five elements of the Community Development Model are local leaders, local residents, the core of community development, community development process and the results of community development. This model explains in detail the process that needs to be implemented by communities or agencies which are interested in helping the rural poor resolve the problems of poverty through the implementation of projects or programs. By following the processes suggested in the model, it will not only help resolve the poverty problems but also assist the country to invest in development projects that achieve the intended goals.

### PENGENALAN

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaaan pada tahun 1957, pelbagai usaha telah dijalankan oleh

kerajaan untuk memastikan rakyat di negara ini bebas dari belenggu kemiskinan (Abdul Aziz 2000). Kerajaan telah membelanjakan berjuta-

juta ringgit bagi memastikan hasrat dan cita-cita untuk membebaskan rakyat di negara ini daripada belenggu kemiskinan tercapai. Pelbagai projek telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk mencapai hasrat tersebut. Antara projek-projek utama yang telah dijalankan untuk tujuan tersebut ialah projek Kemajuan Masyarakat (KEMAS), *Federal Land Development Authority* (FELDA), Gerakan Desa Wawasan (GDW), Projek Kesejahteraan Rakyat (PPRT) dan projek Amanah Ikhtiar Malaysia (Chamhuri 2000).

Pada keseluruhaninya, fenomena kemiskinan di negara ini telah menurun, namun bilangan golongan miskin masih lagi dianggap serius terutamanya di kalangan masyarakat di luar bandar. Salah satu punca mengapa dan kenapa keadaan sebegini berlaku adalah disebabkan kegagalan dan kurangnya keberkesanannya dasar dan strategi pembangunan komuniti ataupun pembangunan desa yang dilaksanakan (Ishak 1992, 1994). Mengikut laporan statistik yang telah dikeluarkan oleh Rancangan Malaysia Kelapan (RM8), peratus golongan miskin di negara ini terutamanya yang tinggal di luar bandar ialah di antara 11% hingga 13% (Malaysia 2001). Walaupun peratus kemiskinan di negara ini berada pada tahap yang rendah, usaha dan perancangan perlulah dilaksanakan untuk memastikan hasrat kerajaan mencapai kemiskinan sifar menjelang tahun 2020 terlaksana dengan jayanya.

Menyedari keadaan sedemikian pihak kerajaan dan juga agensi-agensi bukan kerajaan telah melaksanakan pelbagai perancangan dan program untuk tujuan pembasmi kemiskinan. Berjutajuta ringgit telah dibelanjakan oleh pihak-pihak yang terlibat untuk membasmi masalah kemiskinan ini. Walau bagaimanapun, fenomena dan jumlah masyarakat miskin masih lagi wujud, malah ada di antara masalah tersebut menjadi semakin serius terutamanya di era globalisasi ini (Chamhuri 2001). Persoalannya sekarang ialah di manakah silapnya?

Berdasarkan kepada senario tersebut, makalah ini ditulis untuk memberikan penjelasan dan penerangan mengapa dan kenapa perkara tersebut boleh berlaku dan bagaimanakah insiden tersebut dapat dielakkan. Model pembangunan komuniti yang akan ditonjolkan di dalam makalah ini mungkin mampu untuk memberikan penjelasan dan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi selama ini.

Sebelum perbincangan mengenai model tersebut dibuat, adalah perlu untuk memberikan penjelasan asas tentang perkara yang berkaitan dengan pembangunan komuniti, seperti definisi, objektif dan kepentingannya ke arah pembangunan masyarakat untuk membasmi masalah kemiskinan ini.

#### APA ITU PEMBANGUNAN KOMUNITI

Terdapat pelbagai definisi tentang pembangunan komuniti. Definisi ini berbeza-beza bergantung kepada lokasi dan budaya serta masyarakat yang terlibat. Walau bagaimanapun terdapat beberapa ciri yang utama yang menyamakan definisi pembangunan komuniti ini tanpa mengira di mana pembangunan komuniti ini diperaktiskan. Mengikut Ploch (1976), pembangunan komuniti ialah penglibatan yang aktif daripada masyarakat setempat untuk menjalankan program-program yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Hope (1980) pula melihat pembangunan komuniti sebagai satu proses. Mengikut beliau, proses ini bermula daripada mengenal pasti masalah masyarakat yang terlibat sehingga ke tahap penyelesaian masalah tersebut. Mengikut Hope, perubahan akan dapat dirasai oleh masyarakat yang terlibat sekiranya proses ini disertai oleh semua pihak sama ada pihak kerajaan, bukan kerajaan dan masyarakat itu sendiri.

CDA atau *Community Development Academy* (1997) pula melihat pembangunan komuniti ini sebagai penglibatan daripada semua pihak dan agensi untuk mencapai matlamat yang sama iaitu memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat. Mengikut CDA, pembangunan komuniti ialah usaha yang menyeluruh dan bersungguh-sungguh daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah ditentukan. Elemen-elemen seperti kerjasama, toleransi dan memaksimumkan penggunaan sumber-sumber dalaman merupakan sebahagian daripada perkara yang ditekankan oleh CDA untuk mencapai matlamat yang ditentukan.

Berdasarkan kepada beberapa definisi pembangunan komuniti di atas, dapat dirumuskan bahawa pembangunan komuniti ialah usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak terutamanya masyarakat yang terlibat untuk memperbaiki taraf hidup dan kualiti kehidupan mereka. Elemen-elemen kerjasama dan penggunaan segala sumber yang

ada adalah perkara penting untuk memberikan kejayaan kepada usaha memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat.

### **TUJUAN PEMBANGUNAN KOMUNITI**

Seperti definisi pembangunan komuniti, tujuan pembangunan komuniti juga berbeza-beza bergantung kepada budaya, lokasi dan jenis masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, secara umumnya tujuan utama pembangunan komuniti ialah untuk memperbaiki taraf hidup ataupun kualiti kehidupan masyarakat di tempat tersebut.

Pembangunan komuniti membantu untuk mempertingkatkan kualiti sosial dan ekonomi masyarakat komuniti. Ianya menyediakan rangka kerja yang jelas untuk membolehkan masyarakat yang terlibat bekerjasama dan saling bantu-membantu di antara satu sama lain, berkongsi wawasan dan tanggungjawab untuk kebaikan dan kemajuan bersama. Pembangunan komuniti juga membantu masyarakat yang terlibat untuk berdikari dan mempunyai sifat jati diri yang tinggi. Dengan sikap sebegini masyarakat yang terlibat mampu untuk menentukan hala tuju kehidupan mereka dan juga mengenal pasti masalah-masalah yang mendatang (Hayes 1981).

Tujuan pembangunan komuniti yang lebih komprehensif telah dijelaskan oleh Christenson, Fendley dan Robinson (1989). Mengikut mereka, tujuan utama pembangunan komuniti ialah untuk membantu masyarakat memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi mereka. Rasional yang digunakan oleh mereka ialah masyarakat adalah subjek dan bukan objek. Oleh yang demikian sekiranya sesebuah masyarakat menghadapi sesuatu masalah maka agensi dan masyarakat yang terlibat haruslah melakukan sesuatu untuk menyelesaikan masalah tersebut

dan bukan hanya sekadar memberi komen tanpa sebarang usaha dan reaksi yang wajar.

### **MENGAPA PEMBANGUNAN KOMUNITI PENTING**


Pembangunan komuniti ini penting kepada masyarakat berdasarkan kepada dua sebab utama yang berikut:

1. Pembangunan komuniti menyediakan rangka kerja yang sistematik untuk pembangunan masyarakat terutamanya di dalam usaha membasmikan kemiskinan.
2. Pembangunan komuniti penting untuk kejayaan jangka panjang di dalam era globalisasi.

Dua perkara tersebut amat penting kerana pembangunan komuniti merupakan sebuah payung yang besar yang di bawahnya mengandungi pelbagai aspek dan aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat. Pendidikan, kesihatan, perumahan dan kepimpinan merupakan sebahagian daripada elemen yang berada di bawah payung pembangunan komuniti. *Rajah 1* menunjukkan sebahagian daripada elemen yang berada di bawah payung pembangunan komuniti ini.

### **PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

Pada masa kini didapati sebahagian besar daripada masyarakat dunia sama ada di negara membangun ataupun sedang membangun yang menggunakan pendekatan pembangunan komuniti sebagai kaedah utama untuk membantu masyarakat mereka dalam mempertingkat kualiti kehidupan masing-masing terutamanya di kalangan masyarakat miskin luar bandar.



*Rajah 1: Elemen-elemen yang dipayungi oleh pembangunan komuniti*

Pendekatan ini dibuat berdasarkan kepada strategi-strategi yang tertentu bergantung kepada masyarakat yang terlibat.

Adalah amat penting untuk diketahui bahawa pembangunan komuniti tidak menyediakan strategi-strategi yang berkonseptan *one size fits all*. Oleh yang demikian, masyarakat mempunyai kebebasan memilih strategi yang efektif untuk mencapai matlamat dan objektif masing-masing. Misalnya di Thailand, pembangunan komuniti digunakan sebagai kaedah untuk memantapkan lagi institusi keluarga, aktiviti pembangunan ekonomi, dan pengurusan sumber asli dan alam sekitar. Bagi masyarakat di Thailand kaedah pembangunan komuniti yang sebegini amat efektif untuk memperbaiki dan mempertingkat kualiti kehidupan masyarakat mereka (CDD 2000).

Di Bangladesh, Sri Lanka dan India, pemberian kredit mikro digunakan sebagai strategi pembangunan komuniti untuk membantu masyarakat miskin meningkatkan pendapatan mereka. Di Malaysia, projek-projek tertentu digunakan untuk membantu masyarakat miskin memperbaiki taraf kehidupan mereka. Projek Pembangunan Manusia Asas Kampung (PMAK), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), dan projek Ladang Merdeka merupakan sebahagian daripada contoh projek yang digunakan untuk mencapai tujuan tersebut (Sabran 2001).

Walaupun kaedah atau pendekatan pembangunan komuniti ini telah diguna pakai hampir di seluruh dunia namun hasilnya masih lagi tidak setimpal dengan perbelanjaan tenaga dan wang ringgit yang dicurahkan untuk tujuan tersebut. Di Bangladesh, Sri Lanka, India dan Pakistan masih lagi terdapat ramai masyarakat yang miskin walaupun terdapat pelbagai projek dan program pembangunan komuniti di negara-negara tersebut.

Di negara Malaysia sendiri, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, masih lagi terdapat sebahagian besar masyarakat yang berada di bawah garis kemiskinan, terutamanya masyarakat di luar bandar. Walaupun kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit melalui pelbagai projek pembangunan komuniti, namun hasilnya masih lagi jauh daripada apa yang disasarkan (Malaysia 1997).

Persoalannya sekarang kenapa dan mengapa keadaan yang sedemikian berlaku? Di manakah

silapnya? Persoalan-persoalan ini mungkin dapat dijawab oleh Model Pembangunan Komuniti.

### MODEL PEMBANGUNAN KOMUNITI

Model pembangunan komuniti ini telah dibentuk selepas mengambil kira pelbagai perkara dan kriteria untuk membangunkan dan menaikkan kualiti kehidupan masyarakat. Model ini dibentuk hasil daripada perbincangan yang dibuat di beberapa persidangan dan seminar antarabangsa pembangunan komuniti. Antara persidangan dan seminar antarabangsa yang telah membantu menghasilkan model ini ialah seperti berikut:

1. Seminar Pembangunan Luar Bandar di Iran
2. Bengkel Pembangunan Komuniti Bersepadu di Taiwan
3. Seminar Pembangunan Komuniti Berkesan di Sri Lanka
4. Seminar Kredit Mikro untuk Pembangunan Komuniti di Bangladesh
5. Seminar Fasilitator untuk Pembangunan Komuniti di Indonesia
6. Konferensi *Green Productivity* dan Pembangunan Komuniti di Singapura
7. Woksyop Konsep dan Kaedah Pembangunan Komuniti di Kuala Lumpur

Selain daripada seminar dan bengkel di atas, beberapa penyelidikan mengenai pembangunan komuniti yang dibuat juga telah menyumbang ke arah pembentukan model tersebut (Sabran 1992, 1999). Di antara penyelidikan-penyelidikan yang telah membantu kepada pembentukan Model Pembangunan Komuniti ini ialah seperti berikut:

1. Leadership and the success of community development project in Malaysia.
2. The impacts of Integrated Development Projects on poverty in Malaysia

Model Pembangunan Komuniti ini ditunjukkan dengan lebih jelas di dalam *Rajah 2*. Model Pembangunan Komuniti ini mempunyai lima elemen yang utama. Elemen-elemen tersebut ialah:

1. Pemimpin masyarakat
2. Masyarakat tempatan
3. Teras pembangunan komuniti
4. Proses pembangunan komuniti
5. Hasil pembangunan komuniti

## Model Pembangunan Komuniti

Semua elemen tersebut berkait rapat di antara satu sama lain. Kejayaan di setiap bahagian merupakan titik penentu kepada kejayaan di bahagian-bahagian yang lain di dalam model ini. Kegagalan di satu bahagian merupakan titik permulaan kepada kegagalan di bahagian yang lain.

### *Pemimpin Masyarakat dan Masyarakat Tempatan*


Mengikut Campbell (1997) pemimpin masyarakat ialah seorang individu yang menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk mencapai sesuatu matlamat yang dikehendaki umum. Bagi tujuan tersebut, individu yang terlibat haruslah mampu untuk meyakinkan dan memotivasi masyarakat untuk bekerjasama dan saling bantu-membantu untuk mencapai hasrat dan matlamat tersebut. Pemimpin merupakan individu yang penting kerana dapat membantu masyarakat yang terlibat untuk menyusun dan merancang program-program berdasarkan kepada kehendak semasa masyarakat tersebut (Killacky and Karam 1993).

Campbell juga menyatakan bahawa pemimpin bukanlah seseorang yang memberikan arahan kepada orang bawahannya. Pemimpin ialah seseorang yang sanggup membuat semua perkara bersama-sama dengan masyarakat yang terlibat untuk mencapai matlamat yang dipersetujui bersama. Fenomena inilah yang dinamakan sebagai jaringan yang menyeluruh ataupun *web of inclusion* (CDA 1997).

Untuk membolehkan seseorang pemimpin mencapai peringkat yang sedemikian, pemimpin tersebut haruslah mempunyai tiga ciri yang berikut:

1. Memahami harapan dan pandangan masyarakat yang terlibat;
2. Mempunyai pandangan yang jauh untuk kebaikan dan kemajuan masyarakat tersebut;
3. Mempunyai kemahiran dan skil kepimpinan.

Mengikut perspektif pembangunan komuniti, masyarakat tempatan pula ialah mereka yang tinggal di dalam komuniti yang terlibat. Mengikut perspektif ini, masyarakat



*Rajah 2: Model pembangunan komuniti*

tempatan ialah masyarakat yang sentiasa peka dan sentiasa mengambil tahu apa yang berlaku di dalam masyarakat mereka. Mengikut perspektif ini, pemimpin masyarakat dan masyarakat tempatan haruslah bekerjasama di antara satu sama lain.

Kedua-dua pihak ini perlulah sentiasa berbincang di antara satu sama lain untuk kemajuan dan pembangunan masyarakat tersebut. Kedua-dua kumpulan ini haruslah mempunyai kemahiran dan strategi komunikasi yang berkesan agar matlamat dan objektif untuk kemajuan dan pembangunan masyarakat tercapai. Untuk membantu mereka mempunyai kemahiran komunikasi berkesan, kedua-dua kumpulan ini haruslah memastikan kewujudan empat elemen berikut di dalam proses komunikasi mereka:

1. Kedua-dua pihak perlulah mempunyai komitmen yang kuat dan bersungguh-sungguh untuk memajukan masyarakat tersebut;
2. Sifat percaya-mempercayai perlulah wujud di antara kedua-dua pihak iaitu pemimpin dan masyarakat tempatan;
3. Setiap individu yang ada di dalam masyarakat tersebut perlulah diberikan peluang untuk melibatkan diri di dalam semua aktiviti yang dijalankan dalam masyarakat tersebut. Tidak ada yang dikecualikan kecuali atas kehendak dan kemauan mereka sendiri;
4. Kejayaan dan kegagalan yang diperoleh perlulah dikongsi bersama oleh semua pihak terutamanya pemimpin dan masyarakat yang terlibat. Oleh yang demikian budaya menuding jari dapat dielakkan daripada berlaku dalam masyarakat.

Melalui proses komunikasi yang sedemikian, adalah diharapkan agar pemimpin dan masyarakat yang terlibat akan mudah untuk mencapai kata putus ataupun persetujuan di dalam semua perkara yang melibatkan masyarakat tersebut. Sebarang perbezaan dan jurang yang wujud di antara pihak-pihak yang terlibat akan mudah diselesaikan sekiranya semua pihak yang terlibat bersedia untuk mengamalkan cara dan kaedah komunikasi berkesan. Dengan adanya komunikasi dan persetujuan yang sebegini masyarakat tersebut boleh mencapai kemajuan dan pembangunan yang diharapkan oleh semua.

#### *Teras Pembangunan Komuniti*


Teras pembangunan komuniti ialah peringkat yang kedua di dalam model ini. Peringkat ini harus dilalui oleh setiap masyarakat atau komuniti untuk mencapai pembangunan dan kejayaan yang diharap-harapkan. Peringkat ini walau bagaimanapun hanya boleh dilalui sekiranya persetujuan telah dicapai di peringkat yang pertama iaitu di antara pemimpin dan masyarakat tempatan yang terlibat. Kejayaan mencapai persetujuan di peringkat yang pertama di atas adalah penentu kepada kejayaan di peringkat ini. Fungsi utama bahagian ini ialah untuk memastikan kedua-dua pihak iaitu pemimpin dan masyarakat yang terlibat telah mempunyai persediaan yang cukup baik dari aspek sosial ataupun fizikalnya untuk menerima projek ataupun program yang akan dijalankan di dalam masyarakat tersebut.

Untuk memastikan matlamat ini tercapai, pelbagai kaedah dan strategi dijalankan. Salah satu daripada kaedah yang boleh digunakan ialah dengan memberikan ceramah motivasi kepada mereka yang terlibat. Ceramah ini perlu dan penting kerana ia mampu memberikan kesedaran kepada masyarakat yang terlibat mengenai keperluan dan perkara-perkara yang boleh membantu mereka untuk mencapai kejayaan dan kemajuan yang diinginkan. Selain daripada itu kaedah lawatan sambil belajar ke kawasan-kawasan yang berjaya juga boleh digunakan untuk menaikkan semangat dan motivasi masyarakat yang terlibat. Terdapat empat bahagian utama yang perlu didedahkan kepada masyarakat yang terlibat untuk membolehkan tujuan dan hasrat teras pembangunan komuniti tercapai. Perkara-perkara tersebut ialah seperti yang dipaparkan di dalam *Rajah 3*.

Adalah diharapkan dengan adanya langkah-langkah yang sebegini, ianya dapat membantu kedua-dua pihak pemimpin dan masyarakat tempatan untuk lebih lebh bersedia dengan komitmen yang cukup untuk menerima projek dan program yang akan dijalankan di kawasan mereka.

Berdasarkan kepada *Rajah 3*, didapati bahawa pembangunan komuniti mempunyai pelbagai teras yang perlu diambil kira untuk memastikan pelaksanaan pembangunan komuniti mampu mencapai matlamat yang diharapkan. Setiap elemen yang wujud di dalam teras tersebut mempunyai ciri-ciri yang tertentu.

### Model Pembangunan Komuniti



Rajah 3: Teras pembangunan komuniti

Sebagai contoh, prinsip amalan baik mempunyai elemen-elemen yang tersendiri dan begitu juga dengan prinsip pembangunan komuniti, nilai dan kepercayaan dan andaian. Rajah 4, 5, 6 dan 7 menunjukkan dengan lebih terperinci berhubung dengan elemen-elemen yang wujud di dalam setiap bahagian yang menjadi teras kepada pembangunan komuniti (PK).

Untuk membolehkan sesuatu pembangunan komuniti mencapai matlamatnya dengan cara yang berkesan, semua perkara dan elemen yang telah dibincangkan di atas perlu dilalui terlebih dahulu. Kedua-dua pihak terutamanya pemimpin


masyarakat dan masyarakat tempatan haruslah memastikan semua perkara tersebut dapat dilaksanakan atau diimplementasikan di dalam program pembangunan komuniti di tempat tersebut. Seandainya perkara tersebut gagal untuk diimplementasikan, maka amatlah sukar bagi masyarakat tersebut melihat kejayaan yang diharap-harapkan.

Ini adalah disebabkan di dalam model pembangunan komuniti ini, setiap bahagian memainkan peranan yang sama penting. Kejayaan atau kegagalan di satu bahagian akan menentukan kejayaan atau kegagalan di




Membangunkan keupayaan individu dan kumpulan

Rajah 4: Nilai dan kepercayaan pembangunan komuniti (PK)




Penyertaan yang menyeluruh dari semua pihak

Rajah 5: Prinsip pembangunan komuniti (PK)



Rajah 6: Andaian pembangunan komuniti



Rajah 7: Prinsip amalan baik komuniti (PK)

keseluruhan model ini. Kejayaan masyarakat dan pemimpin tempatan melalui proses teras pembangunan komuniti ini akan membolehkan masyarakat tersebut melangkah ke peringkat yang seterusnya iaitu proses pembangunan komuniti.

#### Proses Pembangunan Komuniti

Proses pembangunan komuniti merupakan bahagian di mana berlakunya implementasi terhadap projek atau program yang telah dipilih untuk dilaksanakan oleh masyarakat yang terlibat. Mengikut model pembangunan komuniti, di bahagian inilah masyarakat dan pemimpin tempatan berpeluang untuk menjalankan projek atau program pembangunan komuniti sendiri setelah menjalani pelbagai latihan dan persediaan sebelum ini. Oleh yang sedemikian, proses pembangunan komuniti merupakan bahagian yang terpenting sekali di dalam model ini.

Untuk memastikan proses implementasi projek dapat dijalankan dengan cara yang efektif, beberapa peringkat perlu diambil. Mengikut apa yang dicadangkan oleh Akafor (1982), terdapat sekurang-kurangnya lima peringkat yang perlu dilaksanakan di dalam proses pembangunan komuniti ini. Lima peringkat tersebut ialah seperti berikut:

1. Mewujudkan kesedaran umum di kalangan masyarakat yang terlibat  
Tujuan utama peringkat ini ialah untuk meyakinkan masyarakat bahawa mereka perlulah berkerja keras untuk menjayakan projek atau program yang dijalankan di kawasan mereka. Agensi-agensi lain seperti kerajaan ataupun swasta akan membantu mereka untuk mencapai kejayaan tersebut. Di peringkat ini juga masyarakat yang terlibat diberitahu bahawa keperluan setiap masyarakat adalah berbeza-beza. Oleh yang demikian mereka perlu melaksanakan projek ataupun program pembangunan komuniti yang menepati kehendak masyarakat setempat.

2. Analisis yang sistematik tentang masalah yang wujud  
Di peringkat ini masyarakat haruslah tahu bahawa setiap masyarakat mempunyai masalah dan cara penyelesaian yang tersendiri. Oleh yang demikian, setiap masyarakat perlulah kreatif dan inovatif ketika berhadapan dengan suasana seperti ini. Sumber-sumber dalaman dan luaran perlulah digemblengkan untuk mendapatkan hasil yang maksimum di dalam usaha untuk membangunkan komuniti yang terlibat.

### 3. Melatih ketua projek

Tujuan utama peringkat ini ialah untuk memastikan ketua projek yang telah dilantik mampu untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan jayanya. Langkah yang pertama yang perlu dilakukan ialah dengan melantik ketua projek secara demokratik. Telah banyak penyelidikan yang membuktikan salah satu punca kegagalan projek adalah disebabkan peranan pemimpin itu sendiri (Sabran 1999). Kesilapan melantik pemimpin akan memberikan kesan yang buruk terhadap kejayaan projek yang dijalankan. Kerjasama dan bantuan masyarakat mungkin sukar diterima oleh pemimpin yang tidak dipilih secara demokratik oleh masyarakat yang terlibat. Oleh yang demikian, pemimpin yang dipilih hendaklah pemimpin yang telah dipersetujui oleh masyarakat yang terlibat dengan projek atau program yang dijalankan.

### 4. Penglibatan masyarakat

Penglibatan masyarakat di dalam projek dan program pembangunan komuniti amatlah penting. Ini adalah disebabkan hanya dengan penglibatan yang menyeluruh, masyarakat akan merasakan projek atau program yang dijalankan adalah hak mereka bersama. Sekiranya projek atau program tersebut hanya disertai oleh sebahagian kecil masyarakat sahaja, kejayaannya amatlah diragui kerana masyarakat ramai pada keseluruhannya tidak akan memberikan kerjasama yang sepatutnya kepada projek tersebut (CDA 1997).

### 5. Mewujudkan keyakinan dan hubungan dengan kumpulan luar

Pemimpin dan masyarakat yang terlibat dengan projek pembangunan komuniti haruslah berusaha untuk mewujudkan keyakinan diri yang

kuat untuk menjayakan projek tersebut. Hubungan yang kukuh juga perlu diwujudkan dengan semua pihak yang mampu untuk membantu menjayakan projek tersebut seperti pihak kerajaan, agensi-agensi bukan kerajaan dan sebagainya. Usaha-usaha seperti ini merupakan komponen yang penting yang boleh membantu tercapainya matlamat pembangunan komuniti yang dijalankan selain daripada kerjasama yang erat di antara pemimpin dan masyarakat tempatan yang terlibat.

Selain daripada Okafor, Cawley (1989) dan Fischer (1989) juga memberikan penjelasan yang hampir sama seperti yang telah dijelaskan oleh Okafor tentang proses pembangunan komuniti. Walau bagaimanapun, mereka bertiga bersetuju bahawa di peringkat ini masyarakat yang terlibat haruslah melalui beberapa peringkat sebelum mereka mencapai kejayaan pembangunan komuniti yang dijalankan di tempat mereka.

*Rajah 8* menunjukkan secara ringkas mengenai proses pembangunan komuniti yang disarankan oleh Fischer.

Adalah diharapkan apabila kedua-dua pihak terutamanya pemimpin dan masyarakat tempatan telah melalui semua proses yang telah dijelaskan di dalam model pembangunan komuniti ini maka mereka akan dapat melihat hasil yang amat memuaskan. Di antara output yang mungkin dapat dinikmati oleh masyarakat tempatan hasil daripada pembangunan yang dijalankan ialah pembangunan fizikal, sosial dan sahsiah masyarakat yang terlibat. Dengan pencapaian yang sedemikian adalah diharapkan masalah kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat miskin, terutamanya kemiskinan di luar bandar akan dapat diatasi dengan sebaik mungkin.



*Rajah 8: Proses pembangunan komuniti*

## KESIMPULAN

Masalah kemiskinan merupakan isu yang menjadi agenda utama kepada kebanyakan negara terutamanya di kalangan negara-negara yang sedang membangun. Pelbagai pihak yang bertanggungjawab terutamanya pihak kerajaan di negara-negara yang terlibat telah berusaha dengan melaksanakan pelbagai program dan perancangan untuk membasmi masalah kemiskinan yang melanda masyarakat mereka.

Walaupun telah banyak wang dan tenaga dilaburkan, namun hasilnya tidaklah setimpal dengan apa yang telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Peratus golongan yang miskin masih lagi berada di tahap yang tinggi. Di Malaysia umpamanya, jumlah peratus golongan miskin terutamanya di luar bandar ialah di antara 11% hingga 13% (Malaysia 2001). Persoalannya sekarang ialah di manakah silapnya? Mengikut kajian yang dilakukan oleh Ishak (1992, 1994), salah satu punca mengapa kadar kemiskinan di negara ini masih lagi berada di tahap yang tinggi ialah kerana kegagalan dan kurangnya keberkesanan dasar dan strategi pembangunan komuniti ataupun desa.

Model Pembangunan Komuniti yang telah menjadi fokus di dalam perbincangan ini adalah diharapkan mampu untuk memberikan penjelasan mengapa dan kenapa senario yang sedemikian berlaku. Seterusnya model yang direka bentuk itu diharapkan mampu untuk membantu mengurangkan masalah kemiskinan melalui pelaksanaan projek yang berkesan apabila setiap program yang dilaksanakan mencapai matlamat masing-masing. Oleh yang demikian, usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan ke tahap yang paling minimal ataupun kemiskinan sifar mungkin tercapai dengan sepenuhnya menjelang tahun 2020.

## RUJUKAN

- ABDUL AZIZ ABDUL RAHMAN. 2000. Pembangunan usahawan wanita luar bandar ke arah pembasmian kemiskinan. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa* anjuran Yayasan Basmi Kemiskinan, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- CAMPBELL, R. 1995. *Principles of Leadership*. Columbia: University of Missouri.
- CAWLEY, R. 1989. From the participants' viewpoint: a basic model of the community development process. *Journal of Community Development Society* 20(2): 101-111.
- CHAMHURI SIWAR. 2001. Pembangunan mapan: strategi 'menang-menang' untuk pembasmian kemiskinan dan pemulihan alam sekitar. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2000. Kajian keberkesanan pendekatan-pendekatan pembasmian kemiskinan di Malaysia. Kertas kerja muzakarah *Penggubal Model Pembasmian Kemiskinan Menurut Perspektif Islam*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- CHRISTENSON, J. A. 1989. *Community Development in Perspective*. Ames: Iowa State University Press.
- COMMUNITY DEVELOPMENT ACADEMY (CDA). 1997. *Building Community from Grassroots*. Columbia: University of Missouri.
- COMMUNITY DEVELOPMENT DEPARTMENT (CDD). 2001. *What is CDD and What is CD*. Bangkok, Thailand: Community Education Division, Ministry of Interior.
- CHRISTENSON, FENDLEY and KIM. 1989. Rural reflation: an idea for community development. *Journal of the Community Development Society* 20(1): 107.
- FISCHER, J. A. 1989. *The Volunteer Organization Handbook*. Virginia: Blacksburg.
- KILLACKY, J. and KARAM-GILLET-KARAM, ROSEMARY. 1994. Pathways to tomorrow: a conversation about community-based programming. *Journal of Community Development Society* 25(1): 110-122.
- HAYES, M. 1981. *Leadership and Social Change*. San Diego, California: University Associates, Inc.
- ISHAK SHARI. 1992. National agricultural policy, rural poverty and income inequalities: a critical evaluation. *Malaysian Journal of Agricultural Economics* 9 December.
- \_\_\_\_\_. 1994. *Rural Development and Rural Poverty in Malaysia*. Pelanduk Publications.
- MALAYSIA. 1997. The Department of Statistics of Malaysia. Prime Minister Department. Kuala Lumpur.
- OKAFOR, F. C. 1982. Community involvement in rural development: a field study in the Bendel State of Nigeria. *Community Development Journal* 17(2): 134-146.
- PLOCH, L. A. 1976. Community development in action. *Journal of Community Development Society* 7(1): 5-15.

- SABRAN, M. S. 2001. Community development and productivity enhancement. Kertas kerja yang dibentangkan di *Working Party on Application of Productivity Concept and Tools for Community Development*, 3 – 7 September, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_. 1999. Leadership and the success of community development project in Malaysia. Ph.D thesis, University of Missouri, Columbia, Missouri, United States of America.
- \_\_\_\_\_. 1992. The impact of integrated rural development projects on poverty in Malaysia. Master Thesis at Iowa State University, Ames, Iowa.
- SALLEH, I. 1998. Berita Harian Online, March. <http://www.jaring.my/msia/economy/eco-chal.html>.
- SPIEKERMAN, R. N. H. 1968. Identification of community power structure using the reputational approach: a comparative analysis of two Taxes communities. Taxes A&M University.

(Diterima: 10 Julai 2003)